



**DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM
PENGAL 1 SEMESTER 1 2009**

PEPERIKSAAN PENGAL PERTAMA

**WD 4013 : USUL FIQH
KERTAS 2**

Tarikh: 22 Mac 2009

Masa: 11.00 – 12.00 pagi

Nama : Abdul Rahman B Abdul Shukur

No. Matrik : CN-001-001-2009

MUKA DEPAN

ARAHAN KEPADA CALON

1. Jangan buka kertas soalan sehingga diberi arahan oleh pengawas.
2. Tuliskan nama dan nombor matrik anda dengan jelas pada tempat yang telah disediakan. Tuliskan juga nama anda pada setiap kertas jawapan anda.
3. Untuk kertas ini, anda **TIDAK BOLEH** merujuk kepada buku atau nota. Baca setiap soalan dengan teliti dan jawab dengan baik mengikut apa yang dikehendaki.
4. Terdapat tiga (3) soalan di dalam kertas ini. Anda dikehendaki menjawab hanya **dua (2)** soalan sahaja.
5. Mulakan jawapan anda bagi setiap soalan pada muka surat yang baru.
6. Kertas soalan ini mengandungi dua (2) muka surat (termasuk muka depan)

Soalan	Markah Penuh	Markah Dapat
1	25	
2	25	23
3	25	25
Jumlah	50	48
T. Tangan Pemeriksa:	<i>Shukur</i>	
T. Tangan Penyemak:		

Jawab dua soalan sahaja. Setiap soalan mengandungi 25 markah.

1. Islam adalah agama yang mudah dan ini diaplikasikan dalam kaedah Usul Fiqh bahagian hukum Wad'i yang dinamakan Rukhsah.
 - i. Jelaskan pengertian Rukhsah dari sudut bahasa dan istilah.
 - ii. Apakah sebab-sebab yang membolehkan rukhsah dan berikan 4 jenis Rukhsah berserta contoh.
 - iii. Seandainya diberikan pilihan, adakah seseorang itu dibenarkan memilih perkara yang Azimah dari Rukhsah? Mengapa?

2. Hukum perbuatan dan ibadah manusia dibahagikan kepada lima mengikut kepentingan hukum-hukum tersebut ke atas mukallaf. Berikan pengertian hukum-hukum berikut serta huraikan salah satu di antaranya.
 - i. Wajib
 - ii. Haram
 - iii. Makruh

3. "Kita hanya memerlukan Al-Quran dan Sunnah sebagai hujah untuk mengeluarkan hukum tanpa perlu merujuk kepada Ijmak Ulama..."
Berdasarkan kenyataan di atas, jelaskan pengertian Ijmak dan rukunnya serta bukti-bukti keuhujahannya.

Jawapan No : 2.

Hukum ialah menetapkan sesuatu ke atas sesuatu (أحكام الشرع على الشيء), Hukum perbuatan dan ibadah manusia dibahagikan kpd lima mengikut kepentingan hukum-hukum tersebut ke atas mukallaf (seorang yg berakal, baligh dan sudah menerima seruan).

d) Wajib - hukum yg mesti dilakukan oleh seorang mukallaf. Jika melakukan amalan itu akan mendapat pahala dan jika ditinggalkan akan mendapat dosa.

Hukum wajib terbahagi kepada empat bahagian

• ① Wajib kerana pada waktu ada dua jenis

(a) Muttak (^{relko}) - tidak terikat atau ditetapkan. umpamanya membayar kafarah.

(b) Muwagat (^{rejo}) - mempunyai masa yg ditetapkan.

samaada (^{rejo}) waktu yg panjang, umpama solat

subuh. Waktunya dari ^{sebelum fajar hingga} terbit matahari. Namun waktu utk

menunaikan solat subuh hanya beberapa minit. Atau pun

pada masa yg singkat (^{rejo}) sempit, umpama berpuasa

dibulan Ramadhan.

② Wajib pada Mukallaf iaitu

(a) Fardhu 'Ain (^{rejo}) - wajib dilaksanakan oleh setiap mukallaf melainkan ada sebab yg boleh dikeselahkan oleh syara'.

(b) Fardhu Kifayah (^{rejo}) - wajib dilaksanakan oleh golongan

mukallaf. Jika tidak ada yg melakukan maka berdosa lah semua golongan manusia itu. umpamanya menguruskan jenazah.

Nama Pelajar : _____

Modul (Subjek) : _____

Jawapan No : 2.

③ Wajib pada perkara samaada (إِيسَا) Mu'ayan, yg jelas dan terang, ^{umpamanya} ~~ummat~~ solat lima waktu atau pada (كَيْسَا) Mukhailiyar, yakni pemilihan. Umpamanya solat ketika bermusafir yg mana diberi pemilihan untuk qasar / jamak atau sebaliknya.

④ Wajib pada... kedan.

(ii) Haram - hukum atas perbuatan yg dibebani Mukallaf untuk meninggalkannya. Jika ditinggalkan akan beroleh pahala dan sebaliknya jika dilakukan akan mendapat dosa. Haram yg bersifat (قِيلِي) yakni pada zat asal hukum diistinbatkan seperti mencuri, atau bersifat (اَرِي) yakni hukum yg berlaku/atau mendatang. Umpamanya ~~so~~ puasa pada hari raya.

(iii) Makruh - hukum yg digalakkan utk ditinggalkan. Jika ditinggalkan mendapat pahala dan jika dilakukan tidak mengapa. Namun dibenci Allah.

23

Nama Pelajar : _____

Modul (Subjek) : _____

Jawapan No : 3

Sumber-sumber Hukum yg Qati' ada empat

① Al Quran

② As-Sunnah

③ Ijma'

④ Qiyas

Dalil pengambilan hukum ada seperti didalam Firman Allah

~~يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا~~

~~يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأَطِيعُوا أُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ (النساء- 59)~~

Dengan dalil tersebut maka kita perlu kepada Ijmak Ulama.

Ijmak ialah persepakatan para ulama dalam mengistinkatkan hukum. Apabila semua jumbur ulama telah sepakat maka tidak boleh lagi hukum itu dipertikaikan.

Rukun-rukun Ijmak

- Dalil yg digunakan tetap bersandarkan kepada Al Quran

dan Hadis. ~~فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ (النساء- 59)~~

Maksud " Jika bertengkar dlm sesuatu perkara, maka kembalilah kepada Allah (yakni al Quran) dan Rasul (hadis/sunnah).

Muaz ibn Jabal pernah disoal oleh Nabi Saw ketika diutus utu ke Yaman.

~~أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ (ص) لَمَّا أُرَادَ أَنْ يَبْعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ~~

~~قَالَ - كَيْفَ تَقْضِي إِذَا عَرَضَ لَكَ قَضَاءٌ ؟ قَالَ - أَوْضِي بِكِتَابِ اللَّهِ ، قَالَ - إِذَا لَمْ تَجِدْ فِي~~

~~كِتَابِ اللَّهِ ؟ قَالَ - أَوْضِي بِسُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ، قَالَ - إِذَا لَمْ تَجِدْ فِي سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ؟~~

~~قَالَ - أَجْتَمِعُ بِرَأْيِي وَلَا آلُو ... (رواه أحمد وأبو داود والترمذي)~~

Nama Pelajar : _____

Modul (Subjek) : _____

Jawapan No : 3.

Ketika ditanya kpd Muaz, sekiranya ia tidak dapat memperoleh dalil dari Quran dan Sunah, maka Muaz menjawab bahwa dia akan menggunakan ijtihadnya dan tidak meninggalkannya. Maka berdasarkan dalil tersebut, ijmak atau persepakatan ulama adalah amat perlu.

25

Nama Pelajar : _____

Modul (Subjek) : _____